PROGRAM START RIGHT

PENGENALAN

PSR merupakan program berbentuk kursus/latihan dan *coaching* bagi membantu golongan sasar melalui pendedahan awal untuk menjadi usahawan dan seterusnya memberi peluang kepada belia luar bandar untuk berkecimpung dalam dunia keusahawanan. Bantuan PSR adalah merangkumi latihan keusahawanan, set peralatan dan modal permulaan perniagaan sehingga RM20,000 bagi seorang peserta.

KUMPULAN SASARAN

- Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada belia luar bandar berkemahiran yang berminat untuk menjadikan keusahawanan dalam sektor perkhidmatan sebagai kerjaya.

PELAKSANAAN PROGRAM

Permohonan

- Permohonan Peserta melalui Agensi yang telah dilantik oleh KKDW
- Pemohon perlu menjalani aktiviti saringan yang akan dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana

Pemilihan Akhir

- Jawatankuasa Induk Program Start Right di KKDW

Pelaksanaan dan Pemantauan

- Kursus Asas Keusahawanan
- *Coaching* selama 6 bulan
- Pemantauan selama 24 bulan

SYARAT- SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia yang berumur antara 21 hingga 40 tahun;
- Tinggal di kawasan Parlimen luar bandar;
- Memiliki sijil kemahiran dalam bidang yang dimohon atau mempunyai kemahiran melaksanakan kerja sekurang-kurangnya setahun dalam bidang yang dimohon;
- Tempoh perniagaan tidak melebihi lima (5) tahun;
- Berpendapatan tidak melebihi RM5,000/sebulan; dan

- Mempunyai tahap kesihatan yang membenarkan mereka mengikuti sehingga tamat kursus/latihan yang disediakan

BIDANG TUMPUAN PROGRAM

- Elektrik dan elektronik;
- Pembuatan dan baik pulih perabot;
- Penyejukan dan penyamanan udara;
- Makanan dan minuman;
- Automotif;
- Fesyen, jahitan dan pengeluaran fabrik;
- Media kreatif, fotografi dan videografi;
- Pertanian dan penternakan;
- Pembersihan, pembinaan dan baik pulih kediaman;
- Pembaikan gajet dan komputer;
- Gaya hidup dan kesejahteraan;
- Seni dan rekabentuk; dan
- Lain-lain yang diperaku oleh KKDW

CARA PERMOHONAN

Link kepada borang-borang

i) Borang Permohonan PSR
ii) Borang Kaji Selidik Sebelum Program
iii) Borang Kertas Cadangan PSR

ALAMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Usahawan Desa
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 19, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya
Telefon: +603-8891 5600
Faks: +603-8888 2341